

**Pesara Kerajaan Beri Sokongan Padu Kepada Pimpinan Najib
Bernama
8 April, 2013**

PUTRAJAYA, 8 April (Bernama) -- Pesara kerajaan menyatakan sokongan padu terhadap pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Barisan Nasional (BN) untuk memastikan Malaysia terus maju dan stabil serta ke mercu kegemilangan.

Bekas pakar telinga di Hospital Kuala Lumpur, Dr Gina Goh, 70, berkata beliau kagum dengan kegigihan perdana menteri bersungguh-sungguh berkhidmat untuk rakyat.

"Anda boleh lihat sendiri perdana menteri kita seorang yang sentiasa cuba melakukan yang terbaik untuk rakyat dan negara. Sebagai seorang pesara, saya akan terus menyokong kerajaan di bawah pimpinan Najib agar Malaysia terus maju.

"Saya tidak mahu Malaysia menjadi sebuah negara yang kacau-bilau apabila ada pihak tertentu mahu menjadikan masa depan negara sebagai bahan eksperimen," katanya, selepas majlis ramah mesra Perdana Menteri bersama pesara-pesara kerajaan di sini, Isnin.

Pesara tentera, A. Kumaran, 69, berkata kerajaan pimpinan Najib merupakan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan menepati janji.

"Saya berharap Najib akan menang pada pilihan raya umum ini dan sekali lagi menjadi perdana menteri supaya beliau boleh meneruskan perjuangan dan berkhidmat untuk rakyat dan negara," katanya.

Bagi Medilen Surip, 64, pula perdana menteri merupakan seorang pemimpin yang komited dan prihatin untuk membantu dan meringankan beban rakyat.

"Malaysia kini berada pada landasan yang betul untuk mencapai status negara maju dan Najib adalah pilihan terbaik untuk terus memimpin negara ini. Saya akan terus menyokong kerajaan BN yang menjamin masa depan cerah kepada anak dan cucu saya.

"Saya tidak mahu mempertaruhkan masa depan generasi muda dengan membuat keputusan yang salah," katanya.

Sementara itu, bekas pembantu am, Zukarnain Munair, 66, berkata kerajaan pimpinan BN telah melakukan pelbagai perubahan secara terancang dan sistematik yang membawa kemajuan kepada negara ini dan rakyat telah menikmati hasilnya.

"Saya berasal dari keluarga yang miskin...sekarang, anak-anak saya telah berjaya dan ini adalah hasil perubahan dan bantuan kerajaan BN," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940471>